

Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka.

Mahyuddin Bin Arsat & Azizah Binti Besar
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pelajar merupakan generasi pelapis yang akan memimpin negara pada masa hadapan. Maka, adalah penting bagi negara untuk melahirkan generasi yang bebas daripada penyalahgunaan dadah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar. Kaedah deskriptif telah digunakan untuk mengenalpasti empat pemboleh ubah iaitu sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada pelatih Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science Version 12.00 For Windows* bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ialah 0.87. Dapatan kajian menunjukkan faktor sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar. Melalui kajian ini, beberapa tindakan boleh diambil untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar seperti ibu bapa memberi perhatian kepada anak-anak, guru memantau tingkah laku pelajar dan pelbagai pihak menganjurkan program-program yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Katakunci : penyalahgunaan dadah, pelajar

Pengenalan

Dadah bukanlah perkara baru dalam kehidupan seharian manusia kerana penggunaannya telah dikesan sejak berabad-abad yang lalu meskipun tarikh sebenar tidak dapat diketahui. Mengikut sumber sejarah, dadah dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulu kala yang menganggapnya sebagai pembalut penderitaan dan sumber keseronokan.

Penagihan candu di kalangan buruh Cina menyebabkan kemasukan bahan berbahaya itu menjadi tidak terkawal di Tanah Melayu sehingga memaksa kerajaan Inggeris mengawal kemasukan dan penjualan candu pada tahun 1910. Serentak itu, kedai-kedai menjual candu dan rumah menghisap candu yang dikenali sebagai Opium Dens telah dilesen dan didaftarkan. Selepas perang dunia kedua, kerajaan Inggeris terpaksa mengharamkan sama sekali penjualan dan pengedaran candu kerana ia mula menjadi masalah serius di kalangan penduduk Tanah Melayu. Akibatnya, mulalah berlaku aktiviti penyeludupan candu sehingga memaksa Akta Dadah Berbahaya diwujudkan pada tahun 1952. Mengikut akta ini, sesiapa yang memiliki dan menghisap candu adalah menjadi satu kesalahan dan Hakim Mahkamah Candu berkuasa menjatuhkan hukuman.

Sehingga hari ini, dadah telah menjadi satu ancaman besar kepada negara. Penyalahgunaan dadah semakin menular di negara kita hari demi hari yang melibatkan pelbagai lapis masyarakat. Menurut Ibrahim (1997) penagihan dadah bukan saja golongan berpendapatan rendah, bahkan telah merebak kepada golongan yang lebih mewah dan merentasi umur dan jantina. Ini menunjukkan bahawa, setiap individu berpotensi terlibat dengan penyalahgunaan dadah tanpa mengira kedudukan umur atas jantina. Mengikut Program

Pengawalan Dadah Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) menyenaraikan Malaysia terletak ditempat kelima dirantau Asia Tenggara mempunyai bilangan penagih dadah paling ramai.

Mengikut laporan Kedudukan Masalah Dadah dan Kemajuan Tindakan Anti Dadah (1985), perbuatan penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah diketahui bermula di awal tahun 1970an. Ekoran itu, pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh pihak kerajaan melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui tindakan disiplin di sekolah-sekolah. Maklumat yang dikeluarkan, daripada 671 penagih yang pertama kali dikesan adalah terdiri dari pelajar sekolah berumur 14 hingga 18 tahun. Senario ini memperlihatkan bahawa penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan pelajar bukan perkara yang baru tetapi masih berlanjutan sehingga ke hari ini. Bagi menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan, adalah penting untuk melahirkan pelajar yang bebas daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Pernyataan Masalah

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah. Walaubagaimanapun, kadar penglibatan penyalahgunaan dadah tidak berkurang malah makin meningkat dari semasa ke semasa. Golongan pelajar turut tidak terkecuali menjadi salah satu golongan penyumbang terhadap kadar peningkatan penyalahgunaan dadah.

Keadaan ini terjadi kerana terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi penyalahgunaan dadah. Berdasarkan kepada latar belakang masalah yang telah dinyatakan dengan jelas, kajian ini bertujuan mengkaji faktor sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.

Objektif Kajian.

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepada penyalahgunaan dadah di kalangan pelatih Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk :-

1. Mengenal pasti adakah faktor sikap individu mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.
2. Mengenal pasti adakah faktor pengaruh rakan sebaya mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.
3. Mengenalpasti adakah faktor permasalahan keluarga mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.
4. Mengenalpasti adakah faktor pengetahuan terhadap dadah mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.

Kepentingan kajian

Hasil dapatan dari kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti pelajar, guru, ibubapa dan masyarakat. Antara kepentingan kajian ialah:-

1. Memberi kesedaran terhadap individu terutamanya golongan pelajar terhadap penyalahgunaan dadah. Ini penting agar pelajar dapat menghindarkan diri mereka dari dibelenggu dadah seterusnya mampu mencapai matlamat ke arah negara bebas dadah menjelang 2015.

2. Memberi dorongan kepada pelatih pusat serenti untuk memilih rakan yang baik dalam usaha untuk menghindari diri dari terus terjebak dalam penyalahgunaan dadah dan seterusnya menjadi penagih berulang atau tegar.
3. Membolehkan ibu bapa sedar terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak.
4. Memberi kesedaran kepada guru untuk bersama membantu mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar khususnya.
5. Memberi kesedaran kepada keluarga, anggota masyarakat, dan komuniti sekolah tentang usaha sama bagi mewujudkan langkah pencegahan untuk memerangi gejala penagihan dadah yang wujud di kalangan pelajar.

Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan rekabentuk kajian berbentuk deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui penggunaan set soal selidik. Deskriptif merujuk kepada kaedah statistik untuk menerangkan ciri-ciri satu kumpulan sampel (Mohd. Najib, 1999). Menurut Mohd. Majid (1993), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel. Ini adalah kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan.

Selain daripada untuk mendapatkan banyak maklumat dalam masa yang singkat, Ahmad Mahdzan (1995) berpendapat bahawa cara pengumpulan data ini digunakan adalah untuk memastikan mutu data yang diperolehi terkawal serta data tersebut mudah diproses dengan bantuan komputer. Menurut Vockel (1983), penyelesaian secara deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Rekabentuk ini sesuai digunakan kerana ia dapat menerangkan fenomena yang sedang berlaku.

Pemilihan rekabentuk deskriptif dalam kajian ini adalah kerana kesesuaiannya untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah yang dikaji, maklumat dan butiran yang dikehendaki. Mohd Najib (1999), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji Ia juga merupakan kajian yang boleh meninjau terhadap sampel atau populasi. Dalam kajian ini, set soal selidik yang terdiri daripada 30 item diedarkan kepada pelatih-pelatih Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka.

Sampel Kajian dan Tempat kajian

Pemilihan populasi dan juga sampel yang dikaji adalah merupakan perkara yang penting yang perlu dititikberatkan dalam kajian penyelidikan. Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data kelompok individu yang diselidiki dan perlu dikenalpasti (Mohd Najib, 1999). Merujuk pada Jadual Krejcie and Morgan (1970), dari 40 orang dalam populasi maka 36 orang layak dipilih sebagai responden bagi mewakili populasi tersebut. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan responden daripada jumlah populasi. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan sampel kajian ini.

Jadual 1 : Bilangan Responden Daripada Jumlah Populasi

Peringkat	Populasi	Responden
Pusat Giat MARA	20	18
Sijil Pelajaran Malaysia	20	18
Jumlah	40	36

Menurut Cates (1990), adalah lebih sesuai jika pemilihan sampel melibatkan jumlah sampel yang seberapa besar yang boleh. Ini adalah untuk mengatasi kesulitan statistik yang mungkin timbul dari penggunaan sampel yang kecil dalam mendapatkan penemuan yang bererti. Di samping itu, saiz sampel boleh menentukan kesahan dan kebolehpercayaan skor. Oleh itu, penyelidik menganggap saiz sampel yang dipilih iaitu seramai 36 orang akan dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan.

Bagi tempat kajian, penyelidik telah memilih untuk menjalankan kajian di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. Pemilihan ini dibuat kerana Pusat Serenti ini merupakan sebuah pusat serenti remaja yang menempatkan pelatih dari golongan pelajar.

Instrumen kajian

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan set soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden. Soal selidik dapat menampung responden yang ramai untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Penggunaan kaedah soal selidik adalah ringkas dan mudah ditadbir. Cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat

Dalam kajian ini, soal selidik direkabentuk berdasarkan persoalan kajian yang merangkumi empat faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar iaitu sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah.

Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dijalankan.

Kajian rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik membuat kajian rintis dengan menggunakan empat orang pelatih dari Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka yang dipilih secara rawak. Responden kajian rintis ini terdiri pelatih yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Tujuan utama kajian rintis ini adalah untuk mengesan dan mengenalpasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik. Kamarudin (1990) menyatakan bahawa tujuan untuk menguji soal selidik adalah untuk memastikan bahawa soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumat yang memenuhi objektif kajian, semua fasa penting kajian telah dirangkumi, memastikan soalan-soalan membolehkan kerjasama responden dan soalan difahami sepenuhnya oleh responden.

Penyelidik menggunakan ujian kebolehpercayaan dalam perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) untuk mengukur kebolehpercayaan instrument kajian. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas empat orang responden ialah 0.87.

Menurut Mohd Najib (1999), berdasarkan Pekali Alpha Cronbach, nilai yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 seperti yang terdapat dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Pekali Alpha Cronbach

Nilai	Tahap	Rumusan
0.0 – 0.2	Rendah	Ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana	Ubah sebilangan item
0.8 – 1.0	Tinggi	Item boleh diterima

Oleh yang demikian, tahap kebolehpercayaan bagi item soal selidik yang telah dibina adalah berada pada tahap tinggi di mana semua item boleh diterima. Oleh itu, soal selidik yang dibina oleh pengkaji boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Analisis Data

Jadual 3 : Analisis Min Mengikut Pembolehubah Dikaji

Pembolehubah	Nilai Min	Tahap
Sikap Individu	3.53	Sederhana
Pengaruh Rakan Sebaya	3.14	Sederhana
Permasalahan Keluarga	2.91	Sederhana
Pengetahuan Terhadap Dadah	3.52	Sederhana
Purata Keseluruhan	3.28	Sederhana

Jadual 3 diatas menunjukkan analisis keseluruhan bahagian B yang merangkumi empat faktor yang dinyatakan dalam persoalan kajian. Bagi persoalan kajian pertama iaitu faktor sikap individu mencatatkan nilai min tertinggi iaitu sebanyak 3.53 iaitu pada tahap sederhana dan kemudian diikuti dengan persoalan kajian keempat iaitu faktor pengetahuan terhadap dadah iaitu sebanyak 3.52. Seterusnya adalah persoalan kajian kedua iaitu faktor pengaruh rakan sebaya sebanyak 3.14 dan diikuti oleh persoalan kajian yang ketiga iaitu faktor permasalahan keluarga sebanyak 2.91. Purata keseluruhan nilai min yang diperolehi daripada bahagian B ini adalah 3.28 iaitu berada di tahap sederhana.

Jadual 4 : Skor Purata Peratus Bagi Setiap Persoalan Kajian

	Persoalan Kajian	S (%)	KS (%)	TS (%)
1	Adakah faktor sikap individu mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar	61.1	16.7	22.2
2	Adakah faktor pengaruh rakan sebaya mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar	41.7	25	33.3
3	Adakah faktor permasalahan keluarga mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar	44.4	25	30.6
4	Adakah faktor pengetahuan terhadap dadah mempengaruhi penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar	58.4	19.4	22.2
	Purata Keseluruhan	51.4	21.5	27.1

Jadual 4 menunjukkan bahawa 52.8% responden bersetuju dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah yang telah dinyatakan di dalam persoalan kajian. Manakala, sebanyak 26.4% tidak bersetuju dan 20.8% kurang bersetuju dengan faktor-faktor yang telah dinyatakan.

Perbincangan

Secara keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sikap individu yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah adalah pada nilai min 3.53 iaitu pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap individu memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan individu tersebut. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Hassan (1993) yang menyebut bahawa sikap adalah perkara-perkara yang dipelajari dan diperolehi yang mana alam sekitar sosial banyak memainkan peranan. Cara berfikir dan gaya hidup yang tidak sihat akan menjurus kepada penyalahgunaan dadah.

Hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 72.2% responden bersetuju bahawa mereka gemar merokok walaupun menyedari bahawa merokok boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah. Amalan merokok boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah apabila ia menjadi satu ketagihan. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah (1993). Kajian tersebut mengkaji perkaitan antara amalan merokok dan mengambil minuman yang memabukkan dalam mempengaruhi penyalahgunaan dadah. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa amalan merokok dan mengambil minuman yang memabukkan mempunyai perkaitan yang jelas ke arah penagihan dadah. Dalam hal ini, undang-undang merokok di kalangan remaja seharusnya diperketatkan dan segala usaha perlu digembeleng bersama bagi membasmi amalan merokok terutamanya di kalangan pelajar.

Seramai 58.3% responden bersetuju bahawa mereka menggunakan dadah untuk mengurangkan tekanan masalah. Penyalahgunaan dadah bagi tujuan mengurangkan tekanan masalah dapat dikaitkan dengan Teori Tekanan Peranan. Mc Auliffe, (1984) dalam Amy Loh Siew (2000) menyatakan bahawa Teori Tekanan Peranan . Teori ini menyatakan bahawa, sesetengah individu menyalahgunakan dadah dengan dengan tujuan mengelakkan atau untuk mengurangkan tekanan. Apa yang berlaku disini adalah, pelajar merasakan bahawa penggunaan

dadah mampu membantu mereka mengurangkan sebarang tekanan yang dihadapi tanpa menyedari bahawa amalan ini akan menyebabkan ketagihan kepada mereka. Tekanan akan dirasakan semula apabila tidak lagi berada di bawah pengaruh dadah.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor pengaruh rakan sebaya yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah adalah pada nilai min 3.14 iaitu pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam hidup seseorang remaja. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Saodah Siraj (2000) mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya yang mempunyai kaitan dengan masalah tingkah laku. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa responden mengakui sering diajak rakan untuk melepak di pusat membeli-belah dan turut bersetuju bahawa rakan lebih memahami masalah mereka berbanding ahli keluarga sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 50% responden bersetuju bahawa mereka mudah menerima pelawaan rakan mereka untuk mencuba dadah. Dapatan ini turut menyokong pendapat Manja Mohd Ludin (1990), kanak-kanak di sekolah menengah biasanya membentuk kelompok mengikut minat masing-masing. Sejauh mana minat seseorang individu itu adalah bergantung kepada sejauh mana kuatnya daya tarikan rakan sebaya. Apabila seseorang itu mula melibatkan diri dengan rakan sebaya yang menggunakan dadah akan wujud daya tarikan untuk mereka juga melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Pelajar akan mula terpengaruh apabila rakan mereka sering mempelawa mereka untuk menggunakan dadah.

Sebanyak 41.7% responden bersetuju bahawa mereka mudah mengikut perlakuan rakan yang menjurus kepada penyalahgunaan dadah seperti merokok. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Tec (1972) di dalam Mohd Arifin (2004) yang telah mengkaji pengaruh kumpulan rakan sebaya ke atas tingkah laku penggunaan marijuana. Hasil daripada kajian tersebut memaparkan penggunaan marijuana sebagai aktiviti sosial yang sering berlaku dalam kumpulan rakan sebaya. Ini menunjukkan bahawa pelajar mudah menjurus kepada perlakuan rakan sebaya. Dapatan kajian tersebut turut menyatakan bahawa remaja yang menggunakan marijuana didapati lebih rapat dengan kumpulan rakan sebaya berbanding keluarga.

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 41.7% responden bersetuju bahawa mereka tidak prihatin jika ramai rakan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sikap tidak prihatin atau tidak ambil peduli ini boleh membawa pengaruh kepada diri pelajar untuk mencuba dadah apabila ramai di kalangan rakan sebaya yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian Plemming (2000) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan penggunaan dadah yang diharamkan dan merokok di kalangan remaja Amerika Syarikat. Badan-badan kesihatan telah mencuba untuk memerangi keadaan ini. Dalam penyelidikannya yang dijalankan pada tahun 1999, terdapat peningkatan penggunaan dadah di kalangan remaja berumur lingkungan 18-25 sepanjang tahun 1997 hingga 1999. Walaupun terdapat banyak program pencegahan dan penyelidikan dijalankan ianya kelihatan seperti kurang berkesan di kalangan pelajar. Keadaan ini menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar tidak mengambil peduli kepada setiap program yang telah dijalankan. Sikap tidak ambil peduli ini menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar penyalahgunaan dadah.

Sebanyak 30.6% responden bersetuju bahawa pendirian mereka mudah goyah apabila didesak oleh rakan untuk mencuba dadah. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Kaplan, Martin dan Robbins (1984) dalam Amy Loh Siew (2000). Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan individu yang mempunyai masalah dadah adalah kerana mereka dipengaruhi oleh sesebuah kumpulan rujukan iaitu satu rangkaian sosial yang digunakan oleh individu sebagai rujukan kepada kelakuan sehariannya. Dalam hal ini, kumpulan rujukan

dapat dikaitkan dengan kumpulan rakan sebaya. Dalam peringkat remaja, pelajar lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan sebaya contohnya dalam tempoh waktu persekolahan. Desakan dari kumpulan rakan sebaya akhirnya menjuruskan pelajar kepada penyalahgunaan dadah. Desakan yang diterima menyebabkan pendirian mereka semakin goyah untuk tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Sebanyak 36.1% responden telah bersetuju bahawa ibu bapa mereka sering bergaduh menyebabkan mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Ini menunjukkan bahawa, kegagalan ibu bapa dalam menunjukkan contoh yang baik pada anak-anak. Nilai yang tidak baik akan menyebabkan remaja tertekan dan mula melibatkan diri pada perkara yang negatif seperti penyalahgunaan dadah. Ibrahim (1997) menyatakan bahawa, ibu bapa sememangnya mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam menjaga disiplin anak remaja. Ibu bapa perlu menunjukkan perlakuan yang mempunyai nilai moral yang cukup tinggi sebagai panduan kepada anak-anak mereka. Selain itu, Anak-anak yang mula melangkah ke alam remaja akan mencari ketengan di luar jika wujud suasana yang tegang di rumah.

Teori Keperluan Maslow jelas menyatakan bahawa kasih sayang dan penerimaan ibu bapa, kawan, suami/isteri dan masyarakat merupakan keperluan individu untuk mencapai kesempurnaan sendiri. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, sebanyak 27.8% orang responden bersetuju bahawa keluarga mereka mementingkan kekayaan duniawi sehingga mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Ibu bapa mereka menghabiskan masa untuk mengejar kekayaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak. Dapatan ini menyokong pendapat Siti Pazmah Idris (1996) dalam Lam Choong Kie (2001), ibu bapa yang sibuk dengan urusan masing-masing dan bilangan keluarga yang besar menyebabkan ibubapa tidak menumpukan kepada permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutama golongan remaja. Kesibukan ibu bapa mencari wang untuk kesenangan hidup menjadikan anak-anak terbiar.

Sebanyak 50% responden bersetuju bahawa terdapat di kalangan ahli keluarga mereka yang mengambil dadah menyebabkan mereka turut mengambil dadah. Dapatan kajian ini dapat dikaitkan dengan Teori Pembelajaran Sosial. Menurut Alkens, Krohn, Lonza dan Radosevich (1979) dalam Amy Loh Siew (2000), Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan penggunaan dadah boleh menjadi satu proses pembelajaran sosial apabila seseorang bergaul dengan kumpulan yang menganggap penggunaan dadah adalah sesuatu yang biasa dan boleh diterima. Dalam hal ini, apabila terdapat ahli keluarga yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, ia akan memberi kesan terhadap diri remaja. Dalam peringkat ini, mereka mudah untuk meniru tingkah laku orang yang hampir dengan diri mereka. Dapatan ini turut menyokong pendapat Kamaruddin (1996) yang menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai pengaruh yang cukup besar ke atas segala perangai, tingkah laku dan perlakuan anak-anak mereka. Segala apa yang diterapkan akan diikuti oleh anak-anak. Pendapat ini menunjukkan bahawa individu boleh berubah apabila wujud pengaruh luar yang mempengaruhinya.

Rujukan

- Azman Md Noor. (2005, Julai 16). 200 murid sekolah rendah berisiko dadah. Azman Md Noor. *Utusan Malaysia*
- Azmi Md Deros. (2002, Disember 20). Dadah: 5 juta pelajar terdedah bahaya. *Utusan Malaysia*.
- Crow, L.D. and Crow, A.(1983).*Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Dr. Rahil Mahyuddin, Dr. Abd. Majid Mohd Isa dan Dr. Zaidatul Akmaliah Lopie Pihie (1995). *Asas Pendidikan II (Psikologi Dalam Bilik Darjah)*. Kuala Lumpur: Longman (M) Sdn. Bhd.
- Duan, M., (1973). "The Children We Deserve". London: Ward Lock Educational.
- Ee Ah Meng: (1995). *Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hazlin Ramli (2001). *Sikap Dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Penggunaan Dadah*. Universiti Teknologi Malaysia. Thesis Sarjana Muda.
- Jersild A.T, Brook T.S, Brook D.W (1978). *The Psychology Of Adolescent*. New York: Mc Millan Publication C0. Inc.
- Kamaruddin Hj. Husin (1996). *Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Lam Choong Kie (2001). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Terlibat Dalam Masalah Vandalisme di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Al-Ghazali (1994). *Peribadi Muslim*. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Osman b. Haji Khalid. 393 – 395
- Pelajar mudah terlibat dadah selepas SPM. (2002, September 12). *Utusan Malaysia* Pelajar terbabit dadah meningkat. (2007, April 27). *Berita Mingguan*
- Swisher & J.D.S (1979). *Drug Education : Pushing or Preventing, and Education*. Welfare Publication : California.
- Umavathi Ramayah. (2006, Februari 27). Pesta liar : 78 penuntut IPTA ditahan, 15 positif dadah. *Utusan Malaysia*.
- Vockel E.L. (1983). *Educational Research*. New York: Mc Millan Ptd. Ltd.
- Zaini Raban. (2006, Februari 12). RM1 juta bantu IPT banteras dadah. *Mingguan Malaysia*.